

**HUBUNGAN FAKTOR-FAKTOR DENGAN
PENGUASAAN BAHASA MELAYU
PELAJAR TINGKATAN EMPAT:
SATU TINJAUAN DI SEKOLAH
MENENGAH KEBANGSAAN
SERI DESA.**

HAMZAH SULAIMAN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2006

**HUBUNGAN FAKTOR-FAKTOR DENGAN
PENGUASAAN BAHASA MELAYU
PELAJAR TINGKATAN EMPAT:
SATU TINJAUAN DI SEKOLAH
MENENGAH KEBANGSAAN
SERI DESA.**

HAMZAH SULAIMAN

**PROJEK SARJANA DIKEMUKAKAN BAGI
MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN**

**FAKULTI BAHASA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2006

PENGAKUAN

Saya mengaku karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

20.4.2006

.....
HAMZAH SULAIMAN
20041000166

PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pengasih Lagi Maha Penyayang

Alhamdu Lillah, terlebih dahulu pengkaji memanjatkan kesyukuran pada hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia rahmatNya, pengkaji dapat menyempurnakan penulisan projek sarjana bertajuk Hubungan Faktor-Faktor dengan Penguasaan Bahasa Melayu Pelajar Tingkatan Empat: Satu Tinjauan di Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Desa. Projek sarjana ini bertujuan memenuhi sebahagian syarat untuk memperoleh Ijazah Sarjana Pendidikan Bahasa Melayu di Universiti Perguruan Sultan Idris.

Pengkaji ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada Profesor Dr. Abdul Hamid Mahmood kerana menyelia pengkaji dengan penuh sabar, tekun dan ikhlas sehingga kajian ini lengkap ditulis.

Pengkaji juga merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pensyarah Jabatan Bahasa Melayu dan rakan-rakan seperjuangan di Universiti Perguruan Sultan Idris. Terima kasih juga kepada sesiapa sahaja yang terlibat menyumbang dan menyokong secara langsung atau tidak sehingga pengkaji berjaya menyempurnakan projek sarjana ini.

Akhir kata, pengkaji mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua guru yang mendidik diri ini, kedua ibu bapa, isteri dan anak-anak kerana sentiasa mendoakan kesejahteraan dan keselamatan pengkaji.

HAMZAH SULAIMAN
Sarjana Pendidikan Bahasa Melayu
Universiti Pendidikan SultanIdris
Tanjong Malim, Perak.

20 April 2006

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti hubungan faktor-faktor dengan penguasaan bahasa Melayu pelajar tingkatan empat. Data kajian diperoleh melalui soal selidik tentang sikap pelajar terhadap bahasa Melayu dan ujian khas bahasa Melayu yang diberikan kepada pelajar. Taburan kekerapan, skor interpretasi min dan ujian t digunakan untuk mengenal pasti tahap pengaruh setiap faktor terhadap penguasaan bahasa Melayu. Hasil kajian menunjukkan faktor ras dan sikap pelajar mempunyai hubungan yang signifikan terhadap penguasaan bahasa Melayu pelajar tingkatan empat.



ABSTRACT

The purpose of this research is to identify the relation between factors and Malays language performance among the form four students. The data were collected through students attitude toward Malays language survey and a special Malays language test that was given to the students. Frequent distribution, mean interpretation score and t-test were used to identify the influences level of the factors over the Malays language performance. Finally the result of the research shows that factors like race and student attitude significantly relate to the Malays language performance among form four students.



KANDUNGAN

	Halaman
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
Bab 1 Pendahuluan	
1.0 Latar belakang	1
1.1 Permasalahan Kajian	4
1.2 Soalan Kajian	5
1.2.1 Hipotesis Kajian	7
1.3 Objektif Kajian	7
1.4 Batasan Kajian	8
1.5 Definisi Operasional	
1.5.1 Pengaruh	8
1.5.2 Sikap	9
1.5.3 Penguasaan Tatabahasa Bahasa Melayu	10
1.5.4 Pelajar Tingkatan Empat	11
1.6 Kepentingan Kajian	11

Bab 11 Kajian Lepas

2.0	Pendahuluan	14
2.1	Sikap dan Perkaitannya dengan Pencapaian Akademik	15
2.1.1	Pelajar Menengah Rendah	15
2.1.2	Pelajar Menengah Tinggi	16
2.1.3	Pelajar Maktab Perguruan dan Universiti	17
2.2	Jantina, ,Ras, Status Sosioekonomi Keluarga dan Kaitannya dengan Pencapaian Akademik	19
2.3	Kerangka Faktor-Faktor Konseptual Kajian	25

Bab 111 Metodologi Kajian

3.0	Rekabentuk Kajian	27
3.1	Membina Alat kajian	28
3.1.1	Latar belakang	29
3.1.2	Sikap	29
3.1.3	Ujian Khas	30
3.2	Menentukan Tempat/Lokasi Kajian	31
3.3	Populasi	31
3.4	Sampel Kajian	31
3.5	Menentukan dan Mengenal Pasti Pembolehubah-pembolehubah	

3.5.1	Pembolehubah bersandar	32
3.5.2	Pembolehubah tidak bersandar	32
3.5.3	Latar belakang	33
3.5.3.1	Sikap	34
3.6	Menentukan Tatacara Mengumpul Data	35
3.7	Memproses dan Menganalisis Data	35

Bab 1V Hasil Kajian

4.0	Pendahuluan	36
4.1	Profil Responden	37
4.2	Faktor Jantina dengan Penguasaan Bahasa Melayu PMR	38
4.3	Faktor Jantina dengan Penguasaan Bahasa Melayu PMR	40
4.4	Faktor Status Sosioekonomi dengan Penguasaan Bahasa Melayu PMR	41
4.5	Faktor Jantina dengan Penguasaan Bahasa Melayu PMR melalui Ujian Khas	43
4.6	Faktor Ras dengan Penguasaan Bahasa Melayu PMR melalui Ujian Khas	44
4.7	Faktor Status Sosioekonomi dengan Penguasaan Bahasa Melayu melalui Ujian Khas	46
4.8	Faktor Penguasaan Bahasa Melayu PMR dengan Penguasaan Bahasa Melayu melalui Ujian Khas	47
4.9	Faktor Pengaruh Sikap terhadap Penguasaan Bahasa Melayu	49
4.9.1	Aspek Komunikasi	52

4.9.2	Aspek Maklumat	53
4.9.3	Aspek Perasaan	54
4.9.4	Aspek Kebosanan	55
4.9.5	Aspek Membaca	56
4.9.6	Aspek Penggunaan Bahasa	57
4.9.7	Aspek Tatabahasa	58

Bab V Rumusan, Perbincangan dan Cadangan

5.0	Pendahuluan	60
5.1	Rumusan Hubungan Faktor dengan Penguasaan Bahasa Melayu	
5.1.1	Ho 1: Tidak Terdapat Perbezaan Keputusan Pengujian BM PMR Mengikut Jantina.	60
5.1.2	Ho 2: Tidak Terdapat Perbezaan Keputusan Pengujian BM PMR Mengikut Status Sosioekonomi.	61
5.1.3	Ho 3: Tidak Terdapat Perbezaan Keputusan BM PMR Mengikut Ras.	61
5.2	Rumusan Hubungan Faktor dengan Penguasaan Bahasa Melayu Melalui Ujian Khas.	
5.2.1	Ho 4: Tidak Terdapat Perbezaan Keputusan Ujian Khas Bahasa Melayu Mengikut Jantina.	62
5.2.2	Ho 5: Tidak Terdapat Perbezaan Keputusan Ujian Khas Bahasa Melayu Mengikut Status Sosioekonomi.	62
5.2.3	Ho 6: Tidak Terdapat Perbezaan Keputusan Ujian Khas Bahasa Melayu Mengikut Ras.	63

5.2.4	Ho 7: Tidak Terdapat Perbezaan Keputusan Ujian Khas Bahasa Melayu Mengikut Penguasaan BM PMR.	63
5.3	Hubungan Faktor Sikap Dengan Penguasaan Bahasa Melayu Melalui Ujian Khas.	64
5.4	Perbincangan.	64
5.5	Cadangan.	66
5.6	Kesimpulan.	67

Bibliografi

Lampiran

- Lampiran A Soal selidik
- Lampiran B Ujian Khas Bahasa Melayu

Senarai Rajah

Rajah 1 Kerangka Faktor-Faktor Konseptual Kajian



Senarai Jadual


- Jadual 1 Profil Subjek
- Jadual 2 Taburan Pencapaian Dalam Mata Pelajaran BM PMR Mengikut Jantina.
- Jadual 3 Taburan Pencapaian Dalam Mata Pelajaran BM PMR Mengikut Ras.
- Jadual 4 Taburan Pencapaian Dalam Mata Pelajaran BM PMR Mengikut Status Sosioekonomi.
- Jadual 5 Taburan Pencapaian Penguasaan BM Melalui Ujian Khas Mengikut Jantina
- Jadual 6 Taburan Pencapaian Penguasaan BM Melalui Ujian Khas Mengikut Ras.
- Jadual 7 Taburan Pencapaian Penguasaan BM Melalui Ujian Khas Mengikut Status Sosioekonomi.
- Jadual 8 Taburan Pencapaian Penguasaan BM Melalui Ujian Khas Mengikut Penguasaan BM PMR.
- Jadual 9 Skor Interpretasi Min
- Jadual 10 Sikap Pelajar Tingkatan IV Terhadap Penguasaan BM.
- Jadual 11 Sikap Pelajar Berkaitan Aspek Berkomunikasi Dalam BM
- Jadual 12 Sikap Pelajar Berkaitan Aspek Mendapatkan Maklumat Dalam BM
- Jadual 13 Sikap Pelajar Berkaitan Aspek Suka atau Tidak Pada mata Pelajaran BM
- Jadual 14 Sikap Pelajar Berkaitan Aspek Kebosanan Pada Mata Pelajaran BM
- Jadual 15 Sikap Pelajar Berkaitan Aspek Membaca Bahan Dalam BM

Jadual 16 Sikap Pelajar Berkaitan Aspek Penggunaan BM

Jadual 17 Sikap Pelajar Berkaitan Aspek Tatabahasa BM

Senarai Singkatan

BM	-	Bahasa Melayu
SPM	-	Sijil Pelajaran Malaysia
PMR	-	Penilaian Menengah Rendah



BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 Latar Belakang

Penguasaan tatabahasa bahasa Melayu dalam kalangan pelajar tingkatan empat sangat penting menjelang mereka menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia. Ini disebabkan penguasaan dalam bahasa Melayu membantu pelajar tingkatan empat menguasai bidang ilmu yang lain seperti Sejarah, Geografi, dan mata pelajaran yang lain. Bahasa Melayu merentas kurikulum menjadikan bahasa Melayu sebagai alat untuk memperolehi ilmu secara lisan mahupun tulisan. Semua pelajar seharusnya tahu tentang keupayaan mereka menggunakan bahasa Melayu dengan berkesan. Mengikut Nik Safiah Karim (1989), mengetahui bahasa Melayu bererti menggunakan bahasa dengan betul. Menguasai bahasa Melayu pula membawa maksud mengetahui dengan lebih mendalam, menyelami selok-belok bahasa daripada pelbagai segi, bentuk, dan fungsi.

Pelajar juga harus memahami bahasa Melayu dalam konteks sosiobudayanya, dengan hubungan timbal balik antara penutur dengan bahasa Melayu.

Hal ini demikian, kerana penguasaan yang lemah dalam bahasa Melayu merupakan satu gejala sosial yang boleh melemahkan proses pengajaran dan pembelajaran.

Walaupun terdapat banyak kelemahan penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar, guru turut mempunyai kelemahan dalam penguasaan bahasa Melayu. Kementerian Pendidikan Malaysia (1989) menggariskan tiga ciri kelemahan dalam kalangan guru.

Pertama, guru-guru mata pelajaran didapati tidak memberi penekanan yang sewajarnya kepada peranan bahasa Melayu dalam proses pengajarannya. Keduanya, guru-guru mata pelajaran didapati tidak menggunakan bahasa Melayu yang tepat, jelas dan mudah difahami pelajar. Akhirnya, guru-guru mata pelajaran didapati tidak mahir menggunakan laras bahasa Melayu seperti sebutan, istilah dan sebagainya dalam pengajaran. Malangnya, tiada data yang dikemukakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia mengenai bilangan guru bagi setiap ciri tersebut. Walau bagaimanapun, bagi mengatasi masalah keseragaman penguasaan bahasa, Kementerian Pendidikan Malaysia telah melaksanakan Konsep Bahasa Melayu Merentas Kurikulum.

Konsep Bahasa Melayu Merentas Kurikulum adalah padanan daripada “Language Across the Curriculum” yang lahir daripada kajian Jawatankuasa Penyiasatan yang dipengerusikan oleh Sir Allan Bullock di England. Bullock (1975), memperakukan dua perakuan, iaitu: (a) Perakuan 138 yang menegaskan bahawa peringkat sekolah menengah, semua guru mata pelajaran perlu sedar akan proses-proses linguistik,

pemerolehan maklumat, dan pemahaman serta implikasi penggunaan bahasa oleh guru. Selain itu, guru perlu sedar akan kehendak linguistik mata pelajaran masing-masing dan cara-cara membantu pelajar menguasainya, dan (b) Perakuan 139 yang mengesyorkan agar setiap sekolah menengah mempunyai Dasar Bahasa Merentas Kurikulum. Kajian ini membuktikan bahawa penguasaan tatabahasa dalam kalangan pelajar tingkatan empat sangat penting sebelum mereka menghadapi SPM dan memasuki alam masyarakat, mereka akan menggunakan bahasa Melayu yang berkesan dalam kehidupan.

Ekoran daripada “Language Across the Curriculum” lahir konsep Bahasa Melayu Merentas Kurikulum dalam sistem pendidikan di Malaysia. Mengikut Kementerian Pendidikan (1998), peranan bahasa Melayu dalam sistem pendidikan sangat penting. Oleh itu, Bahasa Melayu telah dipertingkat penggunaan dan penguasaannya demi menghayati hasrat sebagai bahasa ilmu, bahasa perhubungan, dan bahasa pencerminan akal budi masyarakat.

Oleh itu, Bahasa Melayu Merentas Kurikulum berperanan menegaskan aspek bahasa dari segi sebutan, struktur ayat, dan tatabahasa. Strategi untuk melaksanakannya melibatkan bahan, pelajar dan guru. Justeru, satu kajian untuk mendapatkan data asas mengenai status pencapaian bahasa Melayu pelajar tingkatan empat di sekolah menengah perlu dilakukan. Apabila data status pencapaian bahasa Melayu diperoleh, pelbagai usaha boleh dilakukan untuk membaiki dan mempertingkatkan penguasaan bahasa Melayu. Kajian seterusnya juga boleh dijalankan untuk mengenal pasti apakah faktor-faktor yang ada kaitannya dengan penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar. Jika faktor-faktor

ini dapat dikenal pasti, usaha untuk meningkatkan penguasaan bahasa Melayu dapat dilakukan secara yang lebih sistematik.

Bagi mencapai hasrat ini, pelajar tingkatan empat harus meningkatkan kecekapan berbahasa supaya dapat menerima penyampaian isi pelajaran dalam bahasa yang lebih mudah difahami, tepat, gramatis, dan menggunakan gaya dan laras yang betul. Justeru itu, pelajar-pelajar tingkatan empat harus mempunyai mutu yang baik dalam pengetahuan tatabahasa bahasa Melayu dan sikap yang positif bagi mencapai kejayaan yang cemerlang dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Ini disebabkan bahasa Melayu menjadi pengantar dalam semua mata pelajaran kecuali Sains dan Matematik (mulai 2002 hingga sekarang).

1.1 Permasalahan kajian.

Dunia pendidikan kini bertambah maju dengan pesat dan mencabar. Bahasa Melayu menghadapi cabaran yang hebat. Hal ini berlaku kerana mulai tahun 2002, Sains dan Matematik menggunakan bahasa Inggeris ketika proses pengajaran dan pembelajaran. Memandangkan perkembangan ini, terdapat gangguan tumpuan pembelajaran terhadap bahasa Melayu. Kejayaan pelajar dalam SPM khususnya mata pelajaran bahasa Melayu akan bermula daripada tingkatan satu, tingkatan dua, menghadapi Penilaian Menengah Rendah dan seterusnya SPM. Sebelum menghadapi SPM, tingkatan empat adalah tahun yang sangat penting untuk pelajar memperbaiki kelemahan-kelemahan dalam penguasaan tatabahasa bahasa Melayu dan sikap mereka terhadap bahasa Melayu.

Didapati pelajar-pelajar tingkatan empat sebagai penerima pelajaran dalam bahasa Melayu masih lemah daripada segi tatabahasa bahasa Melayu. Kelemahan itu menyebabkan berlakunya pelbagai kesilapan bahasa. Abdul Hamid Mahmood (1993) menyatakan sejak akhir-akhir ini kerap ditemui kesilapan bahasa yang dilakukan oleh pengguna bahasa Melayu, baik dari segi penggunaan kata, penggunaan imbuhan, penggunaan frasa, mahupun penggunaan ayat. Oleh itu, pelajar tingkatan empat perlu menguasai semua aspek tatabahasa untuk menguasai bahasa Melayu.

Mengenai tatabahasa bahasa Melayu, Kementerian Pendidikan Malaysia (1991) menjelaskan bahawa kandungan tatabahasa bahasa Melayu terdiri daripada morfologi, sintaksis, fonologi dan semantik.

1.2 Soalan Kajian.

Memang tidak dapat dinafikan terdapat banyak faktor yang berkaitan dengan penguasaan tatabahasa pelajar-pelajar tingkatan empat: antaranya ialah penguasaan BM (PMR), jantina, ras, status sosioekonomi keluarga dan sikap pelajar. Walau bagaimanapun, perkara ini telah menimbulkan beberapa persoalan, iaitu:

- (1) Adakah jantina mempengaruhi penguasaan bahasa Melayu dalam peperiksaan Penilaian Menengah Rendah?
- (2) Adakah ras mempengaruhi penguasaan bahasa Melayu dalam peperiksaan Penilaian Menengah Rendah?

- (3) Adakah status sosioekonomi keluarga mempengaruhi penguasaan bahasa Melayu dalam Penilaian Menengah Rendah?
- (4) Adakah terdapat perbezaan penguasaan tatabahasa mengikut ras berdasarkan ujian tatabahasa bahasa Melayu?
- (5) Adakah terdapat perbezaan penguasaan tatabahasa mengikut status sosioekonomi keluarga?
- (6) Adakah pencapaian dalam peperiksaan Penilaian Menengah Rendah mempengaruhi penguasaan tatabahasa berdasarkan ujian tatabahasa bahasa Melayu?
- (7) Adakah pelajar tingkatan empat bersikap positif terhadap mata pelajaran Bahasa Melayu?
- (8) Apakah sikap mempengaruhi penguasaan tatabahasa bahasa Melayu pelajar tingkatan empat?

Persoalan-persoalan ini memerlukan suatu kajian dan bukti yang nyata yang diharapkan akan berhasil daripada kajian ini. Oleh itu, beberapa cadangan yang sesuai, dapat disyorkan bagi membaiki kelemahan yang ada disamping menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu. Pelajar-pelajar tingkatan empat juga diharapkan mampu membina kepekaan mereka untuk menguasai sistem tatabahasa bahasa Melayu dalam pelbagai situasi.

1.2.1 Hipotesis Kajian

Hipotesis nul dibentuk oleh pengkaji untuk menguji hubungan penguasaan bahasa Melayu dengan ras, jantina dan sosioekonomi. Hipotesis nul juga dibentuk untuk menguji hubungan antara keputusan Penilaian Menengah Rendah dengan jantina, ras dan sosioekonmi. Di bawah ini dinyatakan hipotesis nul:

Ho 1 : Tidak terdapat perbezaan keputusan pengujian BM PMR mengikut jantina.

Ho 2. Tidak terdapat perbezaan keputusan pengujian BM PMR dengan sosioekonomi.

Ho 3: Tidak terdapat perbezaan keputusan pengujian BM PMR mengikut ras.

Ho 4 : Tidak terdapat perbezaan keputusan ujian khas BM mengikut jantina.

Ho 5: Tidak terdapat perbezaan keputusan ujian khas BM mengikut sosioekonomi.

Ho 6 : Tidak terdapat perbezaan keputusan ujian khas BM mengikut ras.

Ho 7: Tidak terdapat perbezaan keputusan ujian khas BM mengikut penguasaan BM

PMR.

1.3 Objektif Kajian.

Kajian ini dijalankan untuk menentukan faktor-faktor yang mempengaruhi penguasaan tatabahasa bahasa Melayu pelajar tingkatan empat dalam PMR. Kajian ini juga untuk menentukan faktor yang mempengaruhi penguasaan tatabahasa bahasa Melayu pelajar tingkatan empat berdasarkan ujian khas Bahasa Melayu. Objektif kajian ini adalah untuk:

- (1) Menentukan hubungan pertalian antara jantina, ras, dan status sosioekonomi keluarga pelajar tingkatan empat dengan penguasaan

mereka dalam mata pelajaran Bahasa Melayu peringkat Penilaian Menengah Rendah.

- (2) Menentukan perbezaan penguasaan dalam pelajaran tatabahasa bahasa Melayu dari segi jantina, ras, dan status sosioekonomi keluarga pelajar tingkatan empat berdasarkan ujian khas.
- (3) Mengenal pasti pengaruh sikap terhadap penguasaan dalam tatabahasa bahasa Melayu berdasarkan ujian khas.

1.4 Batasan Kajian

Batasan kajian ini pada ialah keseluruhan pelajar tingkatan empat yang sedang belajar di Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Desa. Populasi pelajar tingkatan empat seramai 173 orang terdiri daripada kaum Melayu dan Cina.

1.5 Definisi Operasional.

1.5.1 Pengaruh

Perkataan pengaruh dalam kajian ini, ialah kuasa yang terbit daripada orang atau benda ke atas orang atau benda yang lain (Kamus Dewan, 2002). Dalam kajian ini, pengaruh sikap dan penguasaan BM (PMR) pelajar tingkatan empat adalah melibatkan pembolehubah demografi. Menurut Page (1997), pembolehubah demografi ialah faktor-faktor yang wujud dalam sesuatu unit sosial dan memperlihatkan keadaan sesuatu masyarakat atau golongan.

Dalam kajian ini , golongan yang dimaksudkan ialah pelajar tingkatan empat dan pembolehubah yang dipilih ialah penguasaan BM (PMR), penguasaan tatabahasa, sikap, jantina, ras, dan status sosioekonomi keluarga.

1.5.2 Sikap

Sikap ialah sesuatu yang mempengaruhi seseorang individu dalam memberikan nilai terhadap satu-satu simbol, objek, dan apa jua aspek yang disukai atau tidak disukainya (Katz, 1996). Menurut Robyn (1972) sikap ialah suatu perasaan positif atau negatif terhadap apa juga objek, simbol, slogan, institusi, dan orang. Mengikut Syarifah Alwiah Alsagoff (1989) sikap ialah suatu pembawaan bertindak, mempunyai, atau berasa positif atau negatif terhadap objek, orang, situasi, atau idea. Berdasarkan definasi-definasi ini, dapatlah dirumuskan bahawa sikap itu merupakan perbuatan atau pandangan yang berdasarkan kepada sesuatu pendapat atau fikiran.

Dalam kajian ini, sikap adalah merujuk kepada pembawaan dan pandangan sama ada positif atau negatif, pelajar tingkatan empat terhadap penguasaan tatabahasa bahasa Melayu. Item sikap terdiri daripada lima belas item positif dan lima belas item negatif dengan menggunakan skor sikap seperti berikut: Sangat setuju, setuju, kurang pasti, tidak setuju, dan sangat tidak setuju.

1.5.3 Penguasaan Tatabahasa Bahasa Melayu.

Penguasaan tatabahasa bahasa Melayu ialah kemampuan menguasai dengan betul suatu sistem lambang atau sistem pengucapan yang berperaturan yang digunakan sebagai alat perhubungan (Abdullah Hassan dan Ainon Mohd, 1994). Mengikut Arbak Othman (1986), tatabahasa ialah peraturan-peraturan bagaimana perkataan dibentuk dan bagaimana perkataan itu bergabung dengan perkataan lain untuk menghasilkan ayat yang gramatis. Nik Safiah Karim dll. (1993) pula menjelaskan bahawa tatabahasa bahasa Melayu didasari oleh aspek-aspek atau bidang morfologi dan sintaksis di samping aspek-aspek fonologi dan semantik. Lebih jelas lagi, morfologi bidang ilmu bahasa yang mengkaji struktur, bentuk, dan penggolongan kata (Nik Safiah Karim dll. 1993). Sintaksis pula ialah bidang bahasa yang membincangkan pembentukan frasa, klausa, dan ayat (Abdullah Hassan, 1987). Seterusnya, mengikut Abdullah Hassan (1987), fonologi ialah bidang bahasa yang terdiri daripada fonetik dan fonemik, fonetik mengkaji bunyi bahasa, dan fonemik mengkaji bunyi-bunyi yang penting dalam sesuatu bahasa. Akhirnya, semantik ialah bidang bahasa yang mengkaji makna.

Penguasaan pula ialah perihal mengetahui dengan mendalam, atau menjadikan diri mahir (Kamus Dewan, 2002). Dalam kajian ini, penguasaan tatabahasa bahasa Melayu adalah ditumpukan kepada aspek-aspek morfologi dan sintaksis sahaja kerana bidang-bidang ini sering didapati salah penggunaanya dalam kalangan pelajar tingkatan empat.